

## Kukuh era digital perkhidmatan awam

**PUTRAJAYA** - Penularan Covid-19 di negara ini merupakan satu titik tolak kepada pengukuhan era digitalisasi dalam perkhidmatan awam di negara ini, kata Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA), Tan Sri Mohd Khairul Adib Abd Rahman.

Ketika menyampaikan Amanat KPPA 2021: Mendepani Cabaran Melangkaui Ekspektasi secara dalam talian pada Rabu, beliau melihat keperluan untuk menyatukan pelbagai perkhidmatan kerajaan di bawah satu platform dengan aplikasi pintar untuk memudahkan urusan.

“Kalau dahulu, kita mempunyai pelbagai platform untuk menguruskan urusan pencen, cuti, permohonan belajar, bayaran pinjaman dan lain-lain lagi. Saya menjangkakan kita mampu menyatukan kesemua perkhidmatan bawah satu platform dengan aplikasi pintar yang boleh diintegrasikan dengan aplikasi kerajaan yang lain.

“Justeru, melalui penyatuan ini, pelanggan akan berfokus kepada satu platform perkhidmatan yang memudahkan segala urusan dengan pihak kerajaan iaitu melalui perkhidmatan berpusat secara dalam talian,” katanya.